

Jakim cadang PPIM kemuka aduan

KUALA LUMPUR - Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (Jakim) meminta Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengemukakan aduan berhubung dakwaan banyak pelanggan bank berasa tidak puas hati dengan sistem perbankan Islam untuk membolehkan siasatan dijalankan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha berkata, aduan tersebut perlu disertakan dengan bukti-bukti yang menyokong dakwaan itu supaya dapat diperhalusi oleh panel syariah Jakim.

“Jakim ada barisan panel syariah yang terdiri daripada pakar ekonomi dan kewangan, ulama dan pensyarah yang



ABDUL SHUKOR



**OTHMAN
MUSTAPHA**

akan meneliti aduan tersebut.

“Jika perlu, kami akan merujuk kes tersebut untuk perhatian Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan,” jelasnya ketika dihubungi di sini semalam.

Othman bagaimanapun memberitahu, sehingga kini pihaknya tidak pernah menerima sebarang aduan mengenai sistem perbankan Islam yang didakwa membebankan dan menindas pengguna.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin pula memberitahu, pihaknya bersedia memperhalusi aduan orang ramai mengenai sistem perbankan Islam selepas mendapat maklumat daripada Jakim.

“Kami akan semak untuk mengenal pasti sama ada ia (sistem perbankan Islam) menepati syariat atau tidak,” ujarnya.